



TRADEWINDS

**TRADEWINDS
CORPORATION
BERHAD** (6393-A)

www.tradewindscorp.com

SIARAN MEDIA

Tradewinds Corp akan edar 'Bubur Lambuk' Masjid Jamek Kg. Baru percuma di Perdana Quay, Langkawi

Kuala Lumpur, 23 Jun 2015 - Tradewinds Corporation Berhad (Tradewinds Corp), sebuah konglomerat pelbagai dengan kepentingan dalam hospitaliti dan pembangunan hartanah akan mengedarkan 2,000 bungkus bubur lambuk Masjid Jamek Kg Baru Kuala Lumpur di kompleks komersil Perdana Quay, Langkawi dari jam 2.30 hingga 5:30 petang pada Sabtu ini 27 Jun 2015.

Dua orang tukang masak dari Masjid Jamek Kg Baru akan diterbangkan ke Langkawi untuk menyediakan dan memasak resipi asal 'bubur lambuk' yang tersohor itu di laman surau Perdana Quay secara gotong royong bersama ahli Komuniti Nelayan Pengkalan Pantai Kok dan kakitangan Tradewinds Corporation.

Penduduk tempatan dan pelancong di Langkawi, terutama mereka yang berada di sekitar kawasan Perdana Quay, adalah dialu-alukan untuk datang mengambil 'bubur lambuk' Masjid Jamek Kg Baru yang akan diedarkan dengan percuma di surau Perdana Quay.

<< TAMAT >>

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Tradewinds Corporation Berhad
Razman Kassim
Unit Head, Group Communications
DL: +60327277025
HP: +60122895344
Email: razman@tradewindscorp.com